

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]
TARIKH : 21 MAC 2016
SOALAN :**

YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian bagi mengawal peningkatan permasalahan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya golongan yang berumur diantara 16 hingga 19 tahun dan yang berpendapatan rendah

Tuan Yang Di Pertua,

Mengikut Kajian *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2015 prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 keatas adalah 29.2%. Walau bagaimana pun peratus ini merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan **BUKAN** penyakit mental

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berterusan memberi perkhidmatan saringan, pencegahan dan rawatan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kategori pendapatan.

Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh KKM bagi menangani permasalahan kesihatan mental di kalangan remaja terutamanya yang berumur diantara 16 sehingga 19 tahun adalah seperti berikut;

a) Promosi Kesihatan Mental dan Advokasi

Kementerian Kesihatan melalui program kesihatan mental telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam melalui sambutan hari kesihatan mental sedunia semenjak tahun 2004. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi kemahiran kepada komuniti menangani stress, forum awam, seminar, ceramah di media masa, penulisan artikel dimedia cetak.

b) Kementerian juga telah menerbitkan bahan-bahan pendidikan kesihatan/IEC (Information, Education dan Communication) dalam bentuk risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental.

c) Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 dimana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental , tanda-tanda awal penyakit mental dengan melayari laman sesawang kementerian www.moh.gov.my atau www.myhealth.gov.my

d) Program Minda sihat sekolah bagi pelajar tingkatan 4 dikendalikan dengan menjalankan saringan DASS untuk mengetahui status kesihatan mental di kalangan murid sekolah menengah bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan. Jika di dapati tahap stress, keresahan dan kemurungan adalah berlebihan murid berkenaan akan dirujuk untuk perkhidmatan kaunseling atau ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut oleh pakar kesihatan keluarga atau pegawai perubatan.

e) KKM menyediakan perkhidmatan psikiatri, empat (4) buah institusi mental dan 42 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer juga sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan juga sedang dikendalikan.

f) KKM telah mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi di peringkat komuniti.

g) Sehingga Disember 2015, sebanyak 20 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Selain itu, lebih daripada 800 klinik kesihatan kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi promosi, saringan, intervensi, rawatan susulan dan rehabilitasi psikososial.

h) KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling serta pendidikan keluarga (Carers Education) yang membekali waris yang mengidap penyakit mental mengenai cara pengendalian penjagaan pesakit mental di rumah.

i) KKM juga akan merancang untuk meluaskan saringan minda sihat kepada pelajar kolej komuniti di seluruh negara.